

1249/1
Sejarah
Kertas 1
Ogos
2010
1 jam



BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH
Kertas 1
Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

Kertas soalan ini mengandungi 12 halaman bercetak

- 1 Konsep *politeisme* dalam masyarakat pada zaman tamadun awal merujuk kepada
- A kehidupan semula selepas mati
 - B penyembahan roh nenek moyang
 - C kepercayaan terhadap dewa-dewi
 - D penyembahan lebih daripada satu tuhan
- 2 Apakah fungsi tembok di bandar Anyang dalam tamadun Hwang Ho?
- A Mencantikkan kawasan sekitar
 - B Menghalang pencerobohan musuh
 - C Melambangkan kemegahan pemerintah
 - D Menjadi kubu tentera mengawal keselamatan
- 3 Siapakah tokoh yang boleh dikaitkan dengan maklumat berikut?
- Menyatukan kerajaan-kerajaan kecil
 - Mengasaskan empayar pertama di India
- A Asoka
 - B Bindusara
 - C Suryavarman II
 - D Chandragupta Maurya
- 4 Apakah nama undang-undang yang dipahat pada kepingan kayu dan diletakkan di tempat awam untuk tatapan rakyat?
- A Tiang Asoka
 - B Hukum Kanun 12
 - C Undang-Undang Justinian
 - D Undang-Undang Hammurabi

- 5 Mengapakah pelabuhan pembekal kerajaan awal di Asia Tenggara bertukar kepada pelabuhan kerajaan?
- A Peningkatan perdagangan
 - B Peluasan empayar
 - C Penemuan logam
 - D Perluasan kuasa
- 6 Candi agama Hindu terbahagi kepada dua bahagian utama iaitu *vimana* dan *mandapa*. *Vimana* merupakan tempat
- A letak arca keagamaan
 - B istiadat pertabalan raja
 - C penganut membayar nazar
 - D pertapaan golongan Brahmin
- 7 Apakah kesan daripada amalan hidup zaman Jahiliah berikut
- Mementingkan suku kaum
 - Mengamalkan sistem berkabilah
- A Kerajaan sering bertukar ganti
 - B Kelemahan sistem kekeluargaan
 - C Kemunculan semangat assabiah
 - D Kegiatan ekonomi tidak berkembang

- 8 Perjanjian berikut memainkan peranan penting membantu perkembangan dakwah Islamiah.

PERJANJIAN AQABAH KEDUA	
Tahun	622 Masehi
Tempat	Bukit Aqabah
Kehadiran	<ul style="list-style-type: none">• Nabi Muhammad s.a.w.• Wakil suku Aus dan Khazraj

Apakah kesan perjanjian di atas?

- A Peluasan kuasa
 - B Pembukaan kota Makkah
 - C Penghijrahan umat Islam
 - D Penentangan puak Quraisy Makkah
- 9 Mengapakah orang Islam berhijrah dari kota Makkah ke Madinah?
- A Melaksanakan perundangan Islam
 - B Menubuhkan pusat pentadbiran Islam
 - C Membentuk masyarakat pelbagai kaum
 - D Menerima jemputan masyarakat setempat
- 10 Mengapakah Nabi Muhammad s.a.w. membuka semula Kota Makkah?
- A Menonjolkan kehebatan Islam
 - B Peluang meningkatkan taraf hidup
 - C Mewujudkan pusat pemerintahan baru
 - D Puak Quraisy melanggar perjanjian Hudaibiyah
- 11 Apakah kejayaan yang dicapai oleh kerajaan Umayyah dalam bidang pertanian?
- A Memperkenalkan tanaman bergilir
 - B Membina terusan dan tali air
 - C Menghasilkan benih berkualiti
 - D Mencipta teknik pembajakan tanah

12 Mengapakah Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam melaksanakan langkah berikut?

- Menaungi negeri-negeri kecil di Sumatera Utara
- Menakluk negeri-negeri di Tanah Melayu

- A Membuktikan kehebatan tentera laut
- B Menyaingi kekuatan kuasa Barat
- C Mengaut kekayaan bahan mentah
- D Menyekat perkembangan agama kristian

13 Kedatangan Islam ke Champa dibuktikan dengan penemuan batu nisan bertarikh 1039 M.

Apakah maklumat pada batu nisan tersebut?

- A Larangan riba
- B Pembayaran hutang
- C Tanggungjawab raja
- D Undang-undang perkahwinan

14 Mengapakah undang-undang Islam sukar dilaksanakan sepenuhnya oleh pemimpin kerajaan Islam Asia Tenggara?

- A Pembesar kurang memberi galakan
- B Mendapat tentangan daripada penduduk
- C Masih terikat dengan undang-undang adat
- D Perang saudara dalam kalangan pemimpin tempatan

15 Mengapakah sistem perundangan di Melaka mengecualikan sultan daripada sebarang tindakan undang-undang?

- A Memenuhi tuntutan agama
- B Menunjukkan taat setia rakyat
- C Mendapat sokongan pembesar
- D Melambangkan kedudukan raja

- 16 Apakah faktor yang mendorong kemunculan golongan Baron di Eropah pada Zaman Gelap?
- A Kemusnahan kuasa pusat
 - B Kemunculan petani kecil
 - C Kemerostan perdagangan
 - D Keperluan bahan makanan
- 17 Apakah faktor penting yang mendorong kuasa Sepanyol dan Portugal menjelajah ke Timur abad ke-15?
- A Perdagangan rempah
 - B Semangat kekitaan
 - C Tanggungjawab terhadap bangsa
 - D Bersaing dengan kuasa Eropah lain

- 18 Mengapakah berlaku pengurangan nilai eksport getah?

NILAI EKSPORT GETAH TANAH MELAYU	
1929	50 785 000 pound
1930	28 208 000 pound
1931	13 806 000 pound

- A Masalah penyakit pokok getah
 - B Kemelesetan ekonomi dunia
 - C Pengeluaran getah berlebihan
 - D Peperangan berlaku di Eropah
- 19 Penguasaan pembesar Melayu dalam sektor perlombongan pada abad ke-19 dapat dibuktikan menerusi
- A hak mengutip cukai
 - B kemasukan tenaga buruh
 - C penguasaan teknologi moden
 - D kuasa menetapkan harga jualan


20 Mengapakah British mewartakan Enakmen Pendaftaran Sekolah pada tahun 1920?

- A Mengawasi pentadbiran
- B Mengawal sistem pendidikan
- C Memajukan sekolah vernakular
- D Menyekat pengaruh komunis

21 Apakah fungsi Dewan Tempatan di Indonesia ?

- A Penasihat kewangan
- B Penasihat pentadbiran
- C Penyelaras tanah jajahan
- D Penggubal undang-undang

22 Merujuk maklumat berikut, siapakah tokoh Y?



- A Nguyen Thai Hoc
- B Ho Chi Minh
- C Phan Boi Chau
- D Maharaja Bao Dai

23 Mengapakah Haji Abdul Rahman Limbong tidak berpuas hati terhadap pentadbiran British di negeri Terengganu ?

- A Pelantikan Penasihat British
- B Pembinaan Balai Polis
- C Undang-undang tanah
- D Sistem perhambaan


- 24 Kekalahan Dol Said dalam perang menentang British pada akhir tahun 1932 disebabkan tiadanya bantuan ketenteraan daripada pemimpin sekitar. Apakah kesan daripada kekalahan tersebut kepada Dol Said?
- A Digantung hingga mati
 - B Ditembak dengan senjata moden
 - C Dipaksa menyerah diri
 - D Dilucutkan jawatan
- 25 Apakah faktor berlakunya penentangan penduduk tempatan terhadap kuasa Barat di Negeri-Negeri Melayu, Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 ?
- A Penggunaan sistem telegraf
 - B Kemajuan pengangkutan
 - C Dasar penaklukan British
 - D Kemunculan golongan intelektual
- 26 Apakah objektif utama penubuhan persatuan berikut?
- | Tahun | 1939 |
|-----------|----------------------|
| Gerakan | Separa politik |
| Persatuan | Kesatuan Melayu Muda |
- A Menghalau British dengan kerjasama Jepun
 - B Menggalakkan perpaduan pemuda Melayu
 - C Menggabungkan tenaga intelektual Melayu
 - D Memajukan sosioekonomi orang Melayu
- 27 Sempadan sesebuah kerajaan dalam masyarakat Melayu tradisional ditentukan oleh
- A kedaulatan raja
 - B keluasan taklukan
 - C kesetiaan rakyat
 - D kedudukan sungai

28 Prinsip berikut berkaitan dengan

- Penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri
- Sempadan negara berdasarkan bangsa

- A Piagam Atlantik
- B Revolusi Rusia 1917
- C Perjanjian Versailles 1918
- D Deklarasi Woodrow Wilson

29 Apakah kesan daripada persetujuan berikut?



- A Pesuruhjaya Negeri dilantik bagi setiap negeri
- B Perkongsian kuasa Pesuruhjaya Tinggi dan Majlis Raja-Raja
- C Senarai Persekutuan, Senarai Negeri dan Senarai Bersama dibentuk
- D Sultan menjaga hak dan kedudukan istimewa orang Melayu

30 Apakah bukti yang menunjukkan Sistem Ahli adalah asas kepada perpaduan kaum di Tanah Melayu?

- A Ahlinya terdiri daripada pemimpin pelbagai kaum
- B Idea penubuhannya cadangan pelbagai kaum
- C Tolak ansur melalui rundingan semua kaum
- D Keputusan adalah melibatkan semua kaum

31 Suruhanjaya Reid dibentuk di Tanah Melayu pada tahun 1956 sebagai persediaan ke arah kemerdekaan.

Apakah tugas suruhanjaya tersebut?

- A Merangka perlembagaan
- B Melantik pegawai pentadbiran baru
- C Mencadangkan tarikh pilihanraya
- D Menganjurkan rundingan kaum

- 32 Apakah syarat yang diminta oleh Raja-raja Melayu untuk menerima kerakyatan secara jus soli kepada orang bukan Melayu dalam Perlembagaan Kemerdekaan 1957?
- A Meningkatkan taraf ekonomi orang Melayu
 - B Mengiktiraf kedudukan istimewa orang Melayu
 - C Menamakan warga Tanah Melayu sebagai Melayu
 - D Membangunkan kemudahan sosial masyarakat luar bandar
- 33 Pihak yang menyokong kemasukan Singapura dalam Gagasan Malaysia ialah
- A Barisan Pemuda Melayu
 - B Parti Tindakan Rakyat
 - C Parti Barisan Sosialis
 - D Parti Buruh
- 34 Mengapakah Perlembagaan Malaysia bersifat luhur?
- A Perlembagaan melarang perkara sensitif dipersoalkan
 - B Ahli parlimen berkuasa meminda perlembagaan negara
 - C Kerajaan negeri berhak mempunyai perlembagaan sendiri
 - D Semua undang-undang tidak boleh bercanggah dengan perlembagaan
- 35 Maklumat berikut adalah syarat-syarat

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Berusia 21 tahun• Sempurna akal• Tidak muflis |
|---|

- A menjadi calon pilihan raya
- B mengundi dalam pilihan raya
- C memohon taraf kewarganegaraan
- D memegang jawatan dalam perkhidmatan awam

36 Mengapakah Rancangan Malaya Pertama (1956 – 1960) tidak mencapai matlamatnya?

- I Rusuhan kaum
 - II Ancaman komunis
 - III Kejatuhan harga getah dan bijih timah
 - IV Tidak mendapat kerjasama masyarakat
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

37 Bagaimanakah dasar berikut dilaksanakan?

Dasar Hala Tuju Cara Baru

- I Mendirikan pusat latihan kemahiran
 - II Mengelompokkan kampung-kampung
 - III Melaksanakan program usahawan desa
 - IV Membuka tanah pertanian besar-besaran
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

38 Apakah langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk memartabatkan bahasa Melayu?

- A Pengenalan Akta Bahasa Kebangsaan
- B Penubuhan Universiti Malaya
- C Penubuhan sekolah-sekolah Melayu
- D Penggunaan bahasa Melayu oleh semua kaum

- 39 Apakah prinsip dasar luar Malaysia pada tahun 1970-an?
- A Pro-Barat
 - B Berkecuali
 - C Tutup pintu
 - D Antikomunis
- 40 Mengapakah cukai yang rendah terhadap eksport Malaysia ke negara-negara Komanwel terutamanya Britain terhakis?
- A Malaysia menarik diri dari Komanwel
 - B Britain menganggotai Kesatuan Eropah
 - C Malaysia mengamalkan perdagangan bebas
 - D Britain membubarkan pertubuhan Komanwel

KERTAS SOALAN TAMAT

1249/2
Sejarah
Kertas 2
Ogos
2010
2 ½ jam



**BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN SEKOLAH KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010**

SEJARAH
Kertas 2
Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** pada ruang yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
3. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan daripada **Bahagian B**.
4. Jawapan bagi **Bahagian A** hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
5. Jawapan bagi **Bahagian B** hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan. Sekiranya kertas jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.
6. Ceraikan **Bahagian B** daripada kertas soalan ini. Ikat kertas jawapan bersama-sama kertas soalan ini dan serahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.
7. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1	10	
	2	10	
	3	10	
	4	10	
B	5	20	
	6	20	
	7	20	
	8	20	
	9	20	
Jumlah		100	

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

Bahagian A

[40 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 Tamadun Hwang Ho adalah tamadun terawal di China yang memberikan sumbangan penting kepada peradaban dunia.
- (a) Senaraikan **dua** golongan dalam struktur sosial masyarakat tamadun Hwang Ho.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (b) Beri **dua** kepercayaan yang diamalkan oleh masyarakat Hwang Ho.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (c) Apakah peranan kalendar dalam masyarakat Hwang Ho?
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (d) Nyatakan **dua** ciri negara kota yang terdapat dalam tamadun Hwang Ho.
- (i)
- (ii) [2 markah]
- (e) Pada pendapat anda, apakah kesan peninggalan Tamadun Hwang Ho kepada peradaban manusia kini?
- (i)
- (ii) [2 markah]

2 Pernyataan berikut berkaitan dengan Perjanjian Aqabah.

- Perjanjian Aqabah Pertama (621 M)
- Perjanjian Aqabah Kedua (622 M)

(a) Senaraikan **dua** kaum dari Madinah yang terlibat dalam kedua-dua perjanjian di atas.

(i)

(ii)

[2 markah]

(b) Nyatakan **dua** syarat dalam Perjanjian Aqabah Pertama.

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** syarat dalam Perjanjian Aqabah Kedua.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Apakah kesan Perjanjian Aqabah Kedua?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Pada pandangan anda, apakah nilai yang boleh dicontohi daripada perjanjian-perjanjian tersebut?

(i)

(ii)

[2 markah]

3 Pernyataan berikut berkaitan dengan Gerakan Islah.

Gerakan Islah merupakan gerakan Kaum Muda yang berusaha mendorong masyarakat Melayu untuk membetulkan pandangan mereka terhadap Islam.

(a) Namakan tokoh yang mempelopori Gerakan Islah.

.....
[1 markah]

(b) Senaraikan **dua** akhbar dan majalah yang menjadi saluran Gerakan Islah?

(i)

(ii)

[2 markah]

(c) Nyatakan **dua** matlamat perjuangan Kaum Muda.

(i)

(ii)

[2 markah]

(d) Mengapakah Gerakan Islah tidak dapat bergerak dengan berkesan di Negeri-Negeri Melayu?

(i)

(ii)

[2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah kejayaan Gerakan Islah di Tanah Melayu?

(i)

(ii)

(iii)

[3 markah]

4 Arus globalisasi telah mendorong Malaysia menyahut cabarannya dengan menyediakan prasarana ICT ke arah pertumbuhan k-masyarakat.

(a) Apakah maksud globalisasi?

.....
[1 markah]

(b) Nyatakan **dua** faktor yang menjadi pemangkin arus globalisasi.

(i)

(ii)
[2 markah]

(c) Beri **tiga** cabaran globalisasi yang dihadapi oleh Malaysia.

(i)

(ii)

(iii)
[3 markah]

(d) Nyatakan **dua** usaha yang telah diambil oleh Malaysia dalam menghadapi cabaran globalisasi.

(i)

(ii)
[2 markah]

(e) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan globalisasi?

(i)


(ii)
[2 markah]

Bahagian B

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Rajah berikut menerangkan tentang teori kedatangan Islam ke Asia Tenggara.




- (a) Terangkan pandangan John Crawford dan Profesor Syed Naquib al-Attas tentang bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari Semenanjung Tanah Arab. [8 markah]
- (b) Jelaskan teori dan bukti kedatangan Islam ke Asia Tenggara dari :
- (i) China [4 markah]
- (ii) India [4 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah unsur-unsur Islam yang boleh membawa kepada kemajuan ekonomi masyarakat Asia Tenggara? [4 markah]

- 6 Pengenalan ekonomi komersial di Tanah Melayu telah menyebabkan kemasukan buruh China dan India pada abad ke-19 hingga awal abad ke-20.

- (a) Jelaskan faktor yang mendorong kemasukan buruh dari China dan India. [5 markah]
- (b) Terangkan cara kemasukan buruh Cina dan India. [10 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah kesan sosial akibat kemasukan buruh China dan India? [5 markah]

- 7 Rajah berikut merujuk tahap-tahap nasionalisme di Asia Tenggara.



- (a) Apakah maksud nasionalisme? [2 markah]
- (b) Jelaskan perbezaan gerakan nasionalisme tahap pertama dan kedua. [8 markah]
- (c) Semangat nasionalisme di Asia Tenggara menimbulkan kesulitan kepada pihak penjajah dan masyarakat setempat.
- (i) Jelaskan langkah-langkah yang diambil oleh kuasa Barat dalam menangani gerakan nasionalisme. [5 markah]
- (ii) Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah anda menunjukkan semangat nasionalisme pada masa kini? [5 markah]
- 8 (a) Terangkan ciri-ciri negara dan bangsa dalam Kesultanan Melayu Melaka. [10 markah]
- (b) Jelaskan unsur-unsur warisan kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan dalam negeri-negeri Melayu. [5 markah]
- (c) Pada pendapat anda, mengapakah institusi beraja perlu dikekalkan? [5 markah]
- 9 (a) Jelaskan faktor-faktor yang membawa kepada berlakunya Perang Dunia Pertama. [6 markah]
- (b) Nyatakan kesan Perang Dunia Pertama. [8 markah]
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah sesebuah negara dapat mengelakkan berlakunya peperangan? [6 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT



SEKOLAH BERASRAMA PENUH
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

Kertas 1

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 2 halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH KERTAS 1 (1249/1)

NO.SOALAN	JAWAPAN	MS BUKU TEKS
1	D	8
2	B	30
3	D	41
4	B	46
5	A	79
6	A	92
7	C	102
8	C	119
9	D	121
10	D	134
11	C	154
12	D	181
13	B	182
14	C	186
15	D	200
16	A	215
17	A	224
18	B	250
19	D	251
20	D	265
21	B	9
22	B	20
23	C	42
24	C	34
25	C	30
26	B	56
27	C	65
28	D	68
29	B	107
30	A	118
31	A	125
32	B	126
33	B	141
34	D	163
35	A	179
36	C	199
37	C	208
38	A	216
39	B	241
40	B	244

Pilihan A = 8 soalan Pilihan B = 12 soalan Pilihan C = 10 soalan Pilihan D = 10 soalan

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT



SEKOLAH BERASRAMA PENUH
BAHAGIAN PENGURUSAN
SEKOLAH BERASRAMA PENUH DAN KLUSTER
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

SEJARAH

Kertas 2

PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Sekolah Berasrama Penuh**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi 19 halaman bercetak

Soalan	Butiran	Markah
1(a) m/s 30	F1 Raja F2 Pembesar F3 Bangsawan F4 Pegawai Kerajaan F5 Petani F6 Artisan F7 Pedagang F8 Hamba [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2M]
1(b) m/s 31	F1 Animisme F2 Mandat daripada tuhan/ raja yang adil kerajaan dan rakyat hidup makmur dan sejahtera kerana diresdai tuhan/raja zalim akan hilang mandat F3 Penyembahhahan roh nenek moyang F4 Menyembah tuhan syurga (Shang-Ti) F5 Menyembah tuhan bumi (Tu) F6 Penyembahan sungai/bukit/gunung F7 Upacara penyembahan melibatkan permainan muzik/tarian F8 Upacara korban F9 Politisme F10 Amalan tilik/ramalan/tulang <i>oracle</i> [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2M]
1(c) m/s33	F1 Menentukan musim menanam F2 Menentukan musim menuai F3 Menjalankan aktiviti harian F4 Menentukan upacara perkahwinan F5 Perburuan F6 Pengkebumian [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 [2M]
1(d) m/s29	F1 Terletak di kawasan tanah tinggi di Sungai Huan F2 Terdapat istana F3 Kuil F4 Pusat pentadbiran F5 Tempat tinggal raja/pembesar/golongan agama F6 Dilengkapi tembok pertahanan menghalang pencerobohan musuh F7 Dikelilingi perkampungan yang didiami oleh petani [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 [2M]

1(e)	F1	Pemerintahan monarki/beraja	1
	F2	Gelaran maharaja	1
	F3	Sistem pengairan/terusan	1
	F4	Teknologi pembajakan	1
	F5	Penciptaan peralatan pertanian/cangkul/sabit/besi	1
	F6	Penggunaan batas untuk untuk pertanian	1
	F7	Sistem tulisan digunakan oleh orang Korea dan Jepun	1
	F8	Pemujaan roh nenek moyang	1
	F9	Konsep Yin dan Yang	1
	F10	Feng Hsui	1
	F11	Tilik nasib	1
	F12	Pengamalan falsafah perang Sun Tzu diaplikasi dalam urusan perniagaan (Mana-mana jawapan munasabah)	1
[Mana-mana 2 x 1 m]			[2M]

Soalan	Butiran	Markah
2(a) m/s 118	F1 Aus F2 Khazraj [2 x 1 m]	1 1 [2M]
2(b) m/s 118	F1 Suku Aus dan Khazraj hendaklah beriman kepada Allah dan Rasul F2 Mereka berjanji akan membantu perjuangan Nabi Muhammad s.a.w. F3 Tidak akan melakukan amalan jahiliah F4 Tidak mencuri F5 Tidak meminum arak F6 Tidak membunuh bayi perempuan [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 [2M]
2(c) m/s 119	F1 Suku Aus dan Khazraj memeluk Islam F2 Mengukuhkan lagi taat setia kepada Nabi Muhammad s.a.w. F3 Menjemput Nabi Muhammad s.a.w. dan orang Islam di Makkah berhijrah ke Madinah F4 Sukarela akan menyediakan tempat tinggal F5 Menjanjikan keselamatan untuk baginda dan orang Islam Makkah F6 Kesiediaan mempertahankan Islam [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 [2M]
2(d) m/s 119	F1 Islam tersebar ke Madinah F2 Nabi Muhammad s.a.w. dan umat Islam Makkah berhijrah ke Madinah F3 Madinah menjadi tapak penyebaran Islam yang baru F4 Keselamatan orang Islam Makkah terjamin semasa berada di Madinah F5 Suku Aus dan Khazraj telah memeluk Islam F6 Taat setia orang Islam kepada Nabi Muhammad s.a.w. bertambah kukuh F7 Suku Aus dan Khazraj dengan sukarela menyediakan tempat tinggal F8 Kesiediaan Suku Aus dan Khazraj mempertahankan Islam (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2M]
2(e)	F1 Kesetiaan kepada pemimpin F2 Tepati janji F3 Perpaduan F4 Ikhlas F5 Berani F6 Tabah F7 Sabar F8 Kebijaksanaan (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 [2M]

Soalan	Butiran	Markah
3(a) m/s 49	F1 Sheikh Tahir Jalaluddin F2 Syed Syeikh Al- Hadi F3 Dr. Burhanuddin al-Helmy [Mana-mana 1 x 1 m]	1 1 1 [1M]
3(b) m/s 49	F1 Al-Imam F2 Neracha F3 Idaran Zaman F4 Pengasuh F5 Saudara [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 [2M]
3(c) m/s 49-50	F1 Menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia F2 Gesaan memajukan ekonomi/politik/sosial orang Melayu F3 Mengkritik raja F4 Mengkritik pembesar F5 Mengkritik penjajah F6 Menuntut ilmu Allah/hukum hakam F7 Menuntut ilmu adab F8 Menuntut ilmu ketukangan/perusahaan perniagaan/ubat-ubatan F9 Mempelajari tawarikh/sejarah F10 Menjalankan sistem pendidikan Islam F11 Pendidikan dunia dan akhirat F12 Pendidikan fardu ain F13 Pendidikan Ilmu Hisab F14 Pendidikan Bahasa Inggeris F15 Menekankan pendidikan untuk kaum wanita [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [2M]
3(d) m/s 50	F1 Beberapa undang-undang di Negeri-Negeri Melayu menghalang pengaruh Kaum Muda F2 Tidak membenarkan kegiatan dakwah dilakukan tanpa kebenaran sultan F3 Tidak membenarkan risalah/buku Kaum Muda dibawa masuk ke Negeri Negeri Melayu F4 Tentangan daripada Kaum Tua F5 Tekanan British [Mana-mana 2 x 1 m]	1 1 1 1 1 [2M]
3(e)	F1 Kesedaran tentang pendidikan F2 Pendidikan terhadap wanita/perempuan F3 Mendirikan madrasah F4 Kemajuan pendidikan dunia dan akhirat F5 Pendidikan Ilmu Hisab F6 Pendidikan Bahasa Inggeris F7 Fardu ain F8 Menerbitkan akhbar/majalah/novel (Mana-mana jawapan munasabah) [Mana-mana 3 x 1 m]	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [3M]

Soalan	Butiran	Markah
4(a) m/s 260	F1 Globalisasi ialah perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan	1
	F2 Perubahan tersebut disebabkan oleh kepesatan atau kepantasan perkembangan teknologi maklumat [Mana-mana 1 x 1 m]	1 [1M]
4(b) ms 260	F1 Penggunaan peralatan teknologi baru seperti komputer	1
	F2 Penggunaa internet	1
	F3 Perkembangan teknologi komunikasi/telefon mudah alih.	1
	F4 Perkembangan penyiaran digital/satelit	1
	F5 Kos pengangkutan yang murah [Mana-mana 2 x 1 m]	1 [2M]
4(c) ms 260- 262	F1 Malaysia terpaksa menerima hakikat bahawa dunia tanpa sempadan	1
	F2 Kemajuan ICT begitu cepat	1
	F3 Proses komunikasi antara negara berlaku dengan pantas	1
	F4 Segala aspek boleh menyeberangi sempadan pada masa yang singkat	1
	F5 Malaysia terpaksa mengakui kepentingan ICT	1
	F6 Pengukuran kekayaan negara berdasarkan teknologi dan industri berasaskan ilmu pengetahuan	1
	F7 Modal intelek menjadi sumber paling berharga bagi sesebuah negara	1
	F8 Kita perlu bersedia ke arah mewujudkan K-masyarakat [Mana-mana 3 x 1 m]	1 [3M]
4(d) ms 260- 262	F1 Menyediakan prasarana ICT	1
	F2 Merebut peluang dan faedah yang dihasilkan oleh ICT	1
	F3 Mempromosikan penggunaan ICT	1
	F4 Melancarkan projek Koridor Raya Multimedia (MSC)	1
	F5 Memulakan e-pendidikan	1
	F6 Pemasaran tanpa sempadan	1
	F7 e-dagang	1
	F8 Penyiaran digital	1
	F9 Melancarkan projek berasaskan ICT	1
	F10 Menggiatkan program berasaskan ICT di kawasan luar bandar	1
	F11 Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan penciptaan baru	1
	F12 Menubuhkan sekolah wawasan untuk meningkatkan daya saing	1
	F13 Menubuhkan Sekolah Bestari	1
	F14 Mengubahsuaikan semula kurikulum selaras dengan perkembangan ICT [Mana-mana 2 x 1 m]	1 [2M]

4(e)	F1	Meningkatkan jurang antara luar bandar dengan bandar	1
	F2	Meningkatkan jurang antara negara maju dengan negara membangun	1
	F3	Menyekat peluang pekerjaan	1
	F4	Merendahkan taraf hidup	1
	F5	Menghindarkan perkembangan sosial	1
	F6	Mewujudkan sikap individualistik (Mana-mana munasabah)	1
[Mana-mana 2 x 1 m]			[2M]

Soalan	Butiran	Markah
5(a) ms 175- 176	<u>Menurut John Crawford</u>	
	F1 Islam berkembang menerusi aktiviti para pedagang Arab di China H1a catatan China mengatakan orang Arab dan Parsi telah mempunyai pusat perniagaan dan petempatan di Canton/Amoy sejak tahun 300M	1 1
	H1b pedagang Arab juga menguasai perdagangan laut dari pelabuhan Iskandariah di Mesir hingga ke China	1
	H1c berdagang secara berterusan terutama setelah kemunculan Islam di Makkah	1
	F2 Pedagang Arab yang berdagang ke China telah singgah di pelabuhan utama di Asia Tenggara/pelabuhan di Selat Melaka	1
	H2a strategik/di tengah laluan perdagangan/pelabuhan menjadi tempat menunggu perubahan angin monsun untuk ke China	1
	H2b pedagang Arab telah menetap selama beberapa bulan	1
	F3 Pembinaan perkampungan Arab di Asia Tenggara	1
	H3a perkampungan amat penting kerana menyediakan tapak untuk berdagang/ mengumpul barang jualan/membeli barang-barang mewah dari China dan India	1
	H3b orang Arab di perkampungan berkahwin dengan wanita tempatan	1
	H3c wujudnya tapak/perkampungan yang kukuh bagi pedagang Arab menjalankan perdagangan dengan pelabuhan lain di Asia Tenggara	1
	H3d wujud perkampungan Islam Ta Shih di Sumatera Utara pada tahun 650M	1
	H3e menunjukkan Islam bertapak di Asia Tenggara sejak abad ke-7 M	1
	F4 Semasa menunggu perubahan angin monsun pedagang Arab berbincang dan berinteraksi dengan pedagang tempatan dan Asia Tenggara	1
	H4a mereka berbincang tentang kepercayaan dan agama	1
	H4b kehidupan/nilai Islam yang murni diperlihatkan oleh pendakwah/ pedagang Islam	1
	H4c kejujuran dalam perniagaan/mementingkan kebersihan/ berhemah tinggi menarik	1
	H4d minat orang tempatan mendalami Islam	1

	F6	Adat resam dan kebudayaan orang Melayu banyak dipengaruhi oleh budaya Arab.	1
	H6a	amalan menghormati tetamu	1
	H6b	muzik Melayu / dabus / tarian zapin	1
	F7	Penceritaan karya tempatan mengenai pengislaman raja di Asia Tenggara	1
	H7a	dilakukan oleh syeikh dari Semenanjung Tanah Arab.	1
	H7b	Hikayat Raja-raja Pasai menceritakan mubaligh/pendakwah yang pertama tiba di Pasai ialah sufi berketurunan Arab bernama Syeikh Ismail	1
	H7c	berjaya mengislamkan Raja Pasai/Merah Silu bergelar Malik al-Salih	1
	H7d	Raja Pattani Phaya Tu Nakpa diislamkan oleh Syeikh Said [Mana-mana 8 x 1 m]	1 [8M]
5(b)(i) ms 177- 178	<u>Emanuel Gadinho Eredia</u>		
	F1	Peniaga Arab mengunjungi Khan Fo/Canton/ Guang Zhou sebagai pusat perniagaan sejak abad ke 9 M.	1
	F2	Jalinan hubungan ini membolehkan Islam berkembang dalam kalangan pedagang Chinadi negara China	1
	F3	Peniaga Cina yang berdagang ke Asia Tenggara menyebarkan Islam kepada masyarakat Asia Tenggara.	1
	<u>S.Q Fatimi</u>		
	F4	Buktinya perpindahan beramai-ramai pedagang Islam di Canton atau Amoy ke Asia Tenggara pada sekitar tahun 876 M	1
	F5	Penemuan batu bersurat Terengganu di Kuala Sungai Tersat, Kuala Berang, Terengganu bertarikh 1303 M/ di Terengganu telah wujud Kerajaan Tua yang bergantung kepada perdagangan	1
	<u>Bukti Tambahan</u>		
	F6	Penemuan sepasang batu nisan ditemui di Kampung Permatang Pasir, Pulau Tambun, Pekan, Pahang	1
	F7	Islam telah dibawa oleh mubaligh China Islam menerusi Laut China Selatan, ke Phang Rang di Indo China dan ke Pekan Pahang	1
	F8	Terdapat persamaan unsur seni bina di China dengan seni bina pada masjid-masjid di Nusantara/ Kelantan / Melaka / Pulau Jawa	1
	F10	Di Melaka unsur seni bina China pada bentuk bumbung masjid mempunyai persamaan dengan bumbung rumah ibadat China / pagoda .	1
	F11	Pengaruh atap genting China serta warna merah dan kuning pada kayu kepala pintu dan tingkap masjid	1
	F12	Pengaruh China pada jubin lantai, dinding, tangga, kolam air di masjid	1
	F13	Islam berkembang ke Asia Tenggara dari China melalui Champa [Mana-mana 4 x 1 m]	1 [4M]

5(b)(ii) ms 178	<p><u>Snouck Hurgronje/sejarawan Belanda</u></p> <p>F1 Islam datang dari wilayah Gujerat dan Pantai Koromandel sejak abad ke 13 M</p> <p>F2 Hubungan perdagangan telah lama wujud antara India dan Asia Tenggara</p> <p>F3 Pedagang India Islam menyebarkan Islam ke rantau Asia Tenggara</p> <p>F4 Gujerat ialah pelabuhan penting semasa pemerintahan Alaudin Khilji di India</p> <p>F5 Penemuan batu marmar pada batu nisan di perkuburan Malik Ibrahim di Gerisik, Jawa mempunyai ciri buatan India</p> <p>F7 Batu nisan Malik al- Salih di Pasai mempunyai ciri buatan India</p> <p>F8 Budaya masyarakat Asia Tenggara yang mempunyai perkaitan yang rapat dengan unsur kebudayaan Hindu sejak dahulu lagi</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>
5(c)	<p>F1 Jujur dalam perbuatan/perkataan</p> <p>F2 Rajin bekerja</p> <p>F3 Menggunakan sistem timbang/sukat yang betul</p> <p>F4 Menjauhi riba</p> <p>F5 Mengamalkan amalan/konsep sedekah/zakat</p> <p>F6 Menjauhi perbuatan mengemis</p> <p>F7 Mencari rezeki yang halal</p> <p>F8 Berjimat cermat/tidak boros</p> <p>F9 Berusaha bersungguh-sungguh</p> <p>F10 Berurus niaga secara halal</p> <p>F11 Menghindari penipuan dan penindasan (Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 4 x 1 m]</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[4M]</p>

	<p><u>Kemasukan buruh India</u></p> <p>F1 Sistem Buruh Bebas 1</p> <p>H1a mereka datang sendiri dengan biayaan masing-masing 1</p> <p>H1b kedatangan mereka diatur oleh orang atau kumpulan tertentu 1</p> <p>H1c mereka bebas memilih tempat dan pekerjaan yang mereka kehendaki di Tanah Melayu 1</p> <p>F2 Melalui Sistem Kontrak 1</p> <p>H2a majikan akan membiayai tambang mereka ke Tanah Melayu 1</p> <p>H2b sebagai balasan buruh akan bekerja dengan majikan untuk jangka masa tertentu (antara 1-3 tahun) dengan bayaran minimum antara 9-13 sen sehari 1</p> <p>H2c cara ini menyebabkan berlaku pemerasan dan penindasan terhadap buruh 1</p> <p>F3 Sistem Kangani 1</p> <p>H3a kangani / tandil / ketua / mandur diberi lesen dan dihantar pulang ke India untuk mencari buruh. 1</p> <p>H3b kangani diberi wang pendahuluan untuk perbelanjaan buruh ke Tanah Melayu. 1</p> <p>H3c sistem ini menjadikan kangani seperti pengurus agensi membawa masuk pekerja asing 1</p> <p>H3d sistem ini diharamkan kerana penyelewengan oleh kangani 1</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 10 x 1 m] [10M]</p>	
6(c)	<p>F1 Peningkatan jumlah kedatangan buruh Cina dan India 1</p> <p>F2 Mewujudkan masyarakat berbilang kaum/majmuk 1</p> <p>F3 Pertempatan berbeza mengikut kaum 1</p> <p>F4 Jenis pekerjaan berbeza mengikut kaum 1</p> <p>F5 Bahasa pertuturan 1</p> <p>F6 Perbezaan budaya dan cara hidup 1</p> <p>F7 Jurang sosial antara kaum 1</p> <p>F8 Perpaduan sukar dicapai 1</p> <p>F9 Tidak terdapat interaksi antara kaum 1</p> <p>F10 Taraf kesihatan yang rendah / penyakit berjangkit 1</p> <p>F11 Wujud sistem pendidikan vernakular 1</p> <p>F12 Penggunaan bahasa yang berbeza dalam pertuturan (Mana-mana jawapan munasabah) 1</p> <p style="text-align: right;">[Mana-mana 5 x 1 m] [5M]</p>	

7(c)(i)	F1	Dikenakan hukuman bunuh/mati	1
	F2	Ditangkap	1
	F3	Dibuang negeri/daerah/negara	1
	F4	Dipenjarakan	1
	F5	Diberi pencen	1
	F6	Disediakan tempat tinggal/rumah	1
	F7	Melancarkan peperangan	1
	F8	Membakar kampung	1
	F9	Menangkap pengikut pemimpin	1
	F10	Mengharamkan parti-parti politik	1
	F11	Menyekat bahan-bahan penerbitan	1
	F12	Mengubah corak politik dalaman	1
	F13	Menamatkan sistem pemerintahan beraja	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5M]	
7(c)(ii)	F1	Menghormati sesama rakyat tanpa mengira kaum	1
	F2	Bertolak ansur	1
	F3	Bekerjasama dalam semua bidang	1
	F4	Menjayakan Kempen 1 Malaysia	1
	F5	Menghormati lambang-lambang negara	1
	F6	Setia akan pemimpin	1
	F7	Menghayati Rukun Negara	1
	F8	Mematuhi undang-undang	1
	F9	Mengekalkan kedaulatan negara	1
		(Mana-mana jawapan munasabah)	1
	[Mana-mana 5 x 1 m]	[5M]	

Soalan	Butiran	Markah
8(a) (ms 75-78)	F1 Wilayah	1
	H1a kawasan tempat tinggal rakyat	1
	H1b sempadannya diterima umum	1
	H1c kawasan yang rakyatnya menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja	1
	H1d kesultanan Melayu Melaka mempunyai lingkungan pengaruh yang luas walaupun sempadan tidak ditetapkan	1
	H1e empayarnya meliputi keseluruhan Semenanjung Tanah Melayu dan seluruh timur Sumatera	1
	F2 Kedaulatan	1
	H2a merupakan kekuasaan tertinggi terhadap rakyat sesebuah wilayah	1
	H2b kekuasaan tidak boleh dihadkan mana-mana pihak	1
	H2c merujuk kepada kekuasaan yang dimiliki oleh sesebuah negara atau pemerintah	1
	H2d negara atau pemerintah boleh menggunakan kuasa untuk mengubal dan melaksanakan undang-undang	1
	H2e raja yang memerintah mewakili negeri atau kawasan pemerintahan	1
	H2f negara berkenaan mempunyai hak mutlak terhadap rakyatnya	1
	H2g negara itu bebas daripada campurtangan, paksaan, taklukan atau perintah kuasa asing.	1
	H2h Pada zaman Kesultanan Melayu Melaka kedaulatan dirujuk terus kepada raja yang memerintah	1
	F3 Lambang Negara	1
	H3a merupakan simbol atau tanda yang menjadi identiti sesebuah negara	1
	H3b Bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan dan lambang penyatuan negara dan bangsa.	1
	H3c Kebesaran sultan dan Kesultanan Melayu dilambangkan dengan alat tertentu	1
	H3d regalia/nobat/warna/bahasa/undang-undang/protokol/adat istiadat istana.	1
	F4 Undang-undang	1
	H4a untuk mengawal masyarakat melalui peraturan yang telah diwartakan.	1
	H4b undang-undang dicipta untuk memelihara keamanan dan melindungi rakyat.	1
	H4c keunggulan undang-undang menentukan struktur kerajaan, kehakiman, bahasa, agama dan kerakyatan diterima oleh masyarakat.	1
	H4d Zaman Melaka terdapat dua sumber undang-undang bertulis	1
	H4e undang-undang ini dipengaruhi oleh hukum adat tempatan dan agama	1

H4f	Hukum Kanun Melaka mengandungi 44 fasal	1
H4g	menyentuh bidang kuasa raja dan pembesar serta pantang larang dalam kalangan anggota masyarakat.	1
H4h	hukuman ke atas kesalahan jenayah awam, undang-undang keluarga dan lain-lain.	1
H4i	Undang-undang Laut Melaka	1
H4j	membincangkan perkara yang berkaitan dengan tatacara pelayaran di laut	1
H4k	tanggungjawab pengawal kapal, atur cara pelayaran, perniagaan, bidang kuasa nakhoda kapal dan hukuman bagi kesalahan jenayah	1
F5	Rakyat	1
H5a	seluruh penduduk bagi sesebuah wilayah	1
H5b	mereka terikat kepada undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan dalam wilayah tersebut	1
H5c	zaman Melaka rakyat bertanggungjawab mentaati raja yang memerintah	1
H5d	contoh tanda ketaatan rakyat bersedia mempertahankan negara	1
H5e	menghadiri adat istiadat kerajaan	1
H5f	mengadakan gotong royong	1
H5g	kerahan tenaga	1
F6	Kerajaan	1
H6a	badan yang diberi kuasa untuk urus pentadbiran	1
H6b	menjaga keamanan	1
H6c	pertahan kedaulatan negara	1
H6d	menjalin hubungan diplomatik dengan negara lain.	1
H6e	Semasa Kesultanan Melayu Melaka kerajaan wujud apabila adanya raja	1
H6f	Raja atau sultan merupakan pemerintah tertinggi	1
H6g	dibantu Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggong dan Laksamana	1
H6H	mereka menjadi tonggak institusi kerajaan yang memerintah dan diberi portfolio masing-masing	1
H6i	sistem ini dinamakan Sistem Pembesar Empat Lipatan [Mana-mana 10 x 1 m]	1 [10M]

8(b) (ms 80)	F1	Sistem pemerintahan Negeri-Negeri Melayu seperti Johor, Perak, dan Pahang berdasarkan sistem pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka	1
	F2	Warisan Kesultanan Melayu Melaka seperti adat istiadat melayu, agama Islam dan Bahasa Melayu berkembang di negeri-negeri tersebut	1
	F3	Kerajaan tersebut diasaskan oleh kerabat diraja Melaka.	1
	F4	Semua pemerintah negeri menggunakan gelaran Sultan pada awal nama masing-masing.	1
	F5	Sistem warisan takhta di negeri-negeri tersebut mementingkan jurai keturunan sebelah bapa.	1
	F6	Putera sulung sultan dengan permaisurinya berpeluang mewarisi takhta kerajaan.	1
	F7	Sekiranya sultan tidak mempunyai putera, adik lelaki sultan boleh mewarisi takhta.	1
	F8	Mengamalkan Sistem Pembesar Empat Lipatan seperti diamalkan oleh Melaka.	1
	F9	Perbezaan antara ketiga-tiga negeri tersebut adalah pada gelaran pembesarnya, disebabkan perubahan semasa dan penyesuaian dengan keadaan tempatan.	1
	F10	Kitab undang-undang disalin dan dipinda berdasarkan Hukum kanun Melaka untuk disesuaikan dengan unsur tempatan	1
	F11	Contoh Undang-Undang Pahang yang disusun oleh Sultan Abdul Ghapur Muhaiyuddin Syah pada tahun 1596.	1
		[Mana-mana 5 x 1 m]	[5M]
8(c)	F1	Lambang kedaulatan	1
	F2	Lambang perpaduan/keutuhan rakyat	1
	F3	Simbol ketuanan Melayu	1
	F4	Tonggak keagungan Melayu	1
	F5	Menjaga keistimewaan orang Melayu	1
	F6	Menaungi rakyat	1
	F7	Ketua agama Islam	1
	F8	Pemelihara adat istiadat	1
	F9	Pengekalan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan	1
	F10	Memelihara warisan bangsa	1
	Mana-mana jawapan munasabah	1	
		[Mana-mana 5 x 1 m]	[5M]

9(c)	F1	Mengamalkan dasar berbaik-baik dengan semua negara tanpa mengira ideologi	1
	F2	Mengambil langkah-langkah dinamis dalam strategi dasar luar	1
	F3	Bersaing secara sihat di peringkat global	1
	F4	Mengikuti perubahan semasa	1
	F5	Memajukan negara	1
	F6	Pengagihan ekonomi negara yang saksama	1
	F7	Perpaduan	1
	F8	Kerjasama antara kaum	1
	F9	Kerjasama di peringkat antarabangsa	1
	F10	Bersama-sama menentang keganasan	1
	F11	Meningkatkan taraf hidup rakyat (Mana-mana jawapan munasabah)	1
[Mana-mana 6 x 1 m]			[6M]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT